



**PERUTUSAN  
YBHG. DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI  
DATUK BANDAR  
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

**MESYUARAT MAJLIS PENUH BIL.1/2024  
PADA 31 JANUARI 2024 (RABU) JAM 9.30 PAGI**

**BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM**

Assalamualaikum WBT

Salam Sejahtera dan Salam Bersih. Muafakat dan Sejahtera.

Salam Malaysia Madani, Salam Keagungan Bandaraya

Seremban

1. Yang dihormati barisan Ahli Majlis, Setiausaha Majlis, Ketua Jabatan dan Ketua Unit, pengamal media serta para hadirin yang saya hormati sekalian.
  
2. Saya juga mengalu-alukan kehadiran YB:
  - I. YB Tuan Loke Siew Fook, Ahli Parlimen Seremban;
  - II. YB Tuan Cha Kee Chin, Ahli Parlimen Rasah;
  - III. YB Datuk Haji Mohd Asna bin Amin, ADUN Lenggeng;
  - IV. YB Tuan Gunasekaran a/l Palasamy, ADUN Seremban Jaya;

- V. YB Tuan Yap Yew Weng, ADUN Mambau;
- VI. YB Tuan Ng Chin Tsai, ADUN Temiang;
- VII. YB Tuan Siau Meow Kong, ADUN Rahang
- VIII. YB Tuan Chew She Yong, ADUN Lobak

3. Alhamdulillah, puji dan syukur kepada Illahi di atas pelbagai kurniaan dan anugerah yang tidak terhitung buat kita semua. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, keluarga dan sahabat Baginda serta mereka yang mengikut jejak langkah Baginda hingga ke hari kesudahan.

YB Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

4. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baharu 2024 kepada seluruh warga bandar raya Seremban. Semoga dengan bermulanya tahun baharu ini akan menjadikan kita lebih baik daripada tahun sebelumnya. Bagi warga kerja Majlis Bandaraya Seremban, saya mengharapkan sepenuhnya komitmen dan kerjasama daripada semua pihak agar misi dan visi MBS yang telah digariskan dapat direalisasikan bersama. Sehubungan dengan itu, saya

meminta warga kerja Majlis Bandaraya Seremban sentiasa memiliki elemen pemikiran kreatif, gaya kepimpinan terpuji, prakarsa transformasi, idea inovasi, swadaya, dan berbudi bahasa yang bernilai tinggi bagi memastikan kita berupaya memacu dan meneraju pembangunan di Daerah Seremban.

5. Saya mengharapkan tahun 2024 akan menjadi tahun pelaksanaan untuk Majlis Bandaraya Seremban. saya mengharapkan semua Ketua Jabatan dan Ketua Unit dibantu oleh Ahli Majlis untuk melaksanakan transformasi di Majlis Bandaraya Seremban. Ini adalah selari dengan harapan saya menubuhkan jabatan-jabatan baharu di Majlis Bandaraya Seremban.
6. Penubuhan jabatan baharu membolehkan jabatan-jabatan tidak lagi terbeban dengan aduan. Sehubungan dengan itu jabatan-jabatan boleh melaksanakan tugas merancang dan membuat kawalan pembangunan dengan lebih baik serta menyediakan perkhidmatan perbandaran untuk warga bandar raya Seremban.

7. Antara cabaran yang saya akan berikan kepada semua Ketua Jabatan dan Ketua Unit adalah untuk membuat perubahan dari segi perspektif pembangunan di Seremban. Contohnya Jabatan Kejuruteraan perlu melihat bagaimana pembangunan yang dibuat boleh mengelakkan berlakunya bencana pada masa akan datang seperti banjir kilat atau cerun runtuh. Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Usahawan perlu membangunkan premis-premis Majlis Bandaraya Seremban supaya ia menjadi *signature* kepada pengunjung yang datang ke bandar Seremban untuk menikmati makanan yang telah dipromosikan selama ini melalui kempen *Serembanlicious*.
  
8. Premis-premis perniagaan ini perlulah dibangunkan dan pengisian peniaga-peniaga supaya ianya 'hidup'. Antara contoh yang boleh dilaksanakan adalah gerai yang telah dioperasikan oleh pihak swasta di Seremban jaya di mana pada masa ini telah mempunyai pengunjung tetap kerana mempunyai peniaga yang popular berniaga di kawasan tersebut. Ini merupakan contoh bagaimana saya mahu jabatan-jabatan mengambil cabaran ini untuk menjadikan bandar raya Seremban lebih Mampan, Bersih dan Sejahtera.

9. Bajet 2024 yang bertemakan **“Memperkasakan Infrastruktur dan Imej Majlis Bandaraya Seremban”** perlulah dilaksanakan adalah menaiktaraf pintu gerbang di Jalan Sg. Ujong. Antara projek lain yang perlu dilaksanakan segera adalah kerja-kerja penyelenggaraan di bawah Vot 28000 di mana saya meminta agar Vot ini perlu dibelanjakan sebelum sukuan ketiga 2024. Jika didapati ada keperluan lagi pelaksanaan pada sukuan ketiga kita boleh membuat permohonan peruntukan tambahan. Tindakan ini adalah daripada Jabatan Penyelenggaraan. Jabatan penyelenggaraan telah dipertanggungjawabkan dengan hampir keseluruhan bagi Vot 28000. Saya berharap di bawah kepimpinan Tuan Haji Mohd Fadhil bin Kamaruddin dan Ketua Seksyen agar semua peruntukan segera dibelanjakan. Dalam masa yang sama pastikan semua aduan yang telah disenaraikan diambil tindakan berdasarkan peruntukan yang ada terlebih dahulu.

YB Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

10. Majlis Bandaraya Seremban bercadang untuk membuat penguatkuasaan terhadap semua pelanggaran peraturan dan undang-undang. Antara pelanggaran yang utama di kawasan MBS adalah pencerobohan kawasan awam.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Kawalan Bangunan telah mengeluarkan banyak notis berkenaan pelanggaran peraturan ini. Saya memohon kerjasama daripada Ahli Majlis untuk membantu menyelesaikan masalah ini kerana pencerobohan yang dibuat menyebabkan warga Seremban tidak dapat menggunakan kawasan ini bagi tujuan direzabkan.

11. Saya juga memohon Ketua Jabatan dan Ketua Unit untuk meneruskan usaha ini dan memastikan kawasan milik Majlis Bandaray Seremban tidak dicerobohi oleh individu yang tidak bertanggungjawab.

YB Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

### ***THE POWER OF A 1% CHANGING***

12. Falsafah Perubahan 1 Peratus merupakan satu pendekatan yang perlu ada dikalangan warga kerja Majlis Bandaraya Seremban. Melalui konsep Permulaan Perubahan yang besar bermula daripada perubahan yang kecil dapat meningkatkan produktiviti diri dan organisasi sekali gus merencanakan perubahan yang lebih besar. Perubahan 1 peratus ini boleh dimulakan dikalangan Ahli Majlis dan Ketua-Ketua Jabatan serta Ketua Unit seperti memberi salam kepada kakitangan bawahan, sentiasa turun memantau kakitangan bawahan kerja dilapangan, menepati masa dan beberapa perkara kecil perubahan yang boleh dilaksanakan di dalam organisasi.
  
13. Saya mengambil satu contoh daripada sebuah syarikat Netflix yang merupakan sebuah syarikat yang menyediakan pelayar video secara talian. Syarikat ini ingin menaikkan kadar *subscribe* bulanan mereka. Oleh yang demikian, mereka telah melaksanakan kadar kenaikan 1 peratus hingga 2 peratus kepada setiap langganan mereka serta

meningkatkan lagi kualiti video dan kualiti rancangan. Peningkatan ini tidak dilaksanakan secara mendadak meskipun mereka menanggung kos operasi yang tinggi. Hasilnya, mereka berjaya meningkatkan hasil dan mengekalkan pelanggan sedia ada. Malah lebih mengejutkan mereka berjaya menarik lebih ramai *subscribers* yang baharu untuk melanggan perkhidmatan mereka.

14. Usaha-usaha perubahan ini juga telah dimulakan oleh pihak Majlis seperti :

- I. Transformasi Taman Malaysia kepada Tapak Campervan yang berkonsepkan *Urban Camping*.
- II. Melipatkan gandakan usaha menggunakan teknologi hijau seperti solar, SPAH, Kempen 3R dan sebagainya.
- III. Memberi ganjaran kepada kakitangan yang berjaya mengutip tunggakan cukai terbanyak.
- IV. Mentransformasikan Stadium Tuanku Abdul Rahman Paroi dengan menyediakan tempat duduk yang selesa.
- V. Melantik seorang Pengarah Cawangan Nilai bagi menyelia tadbir urus yang berkesan di Nilai.



- VI. Mentransformasikan Jabatan-jabatan agar mempunyai tanggungjawab yang khusus.
15. Dalam pada itu, usaha-usaha ini dapat diteruskan lagi dengan memberi fokus dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan seperti berikut :
- i. Mewujudkan satu *One Stop Centre* Pelesenan yang membolehkan pelanggan tidak bergerak ke sesuatu lokasi yang jauh.
  - ii. Mewujudkan Taman Tema Air Awam di Taman Tasik Seremban.
  - iii. Mewujudkan Dataran Khas di Bandar Seremban yang dapat menyediakan ruang bagi aktiviti-aktiviti rakyat mahupun pelancongan dan beberapa lain yang boleh dirancang bagi tahun ini mahupun tahun akan datang.

YB Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

## **PANGKALAN DATA UTAMA ( PADU)**

16. PADU telah dilancarkan pada 2 Januari 2024 oleh YAB Perdana Menteri untuk membolehkan rakyat mendaftar dan mengemas kini maklumat individu dan isi rumah antaranya berkaitan dengan maklumat asas demografi, pendidikan, pekerjaan, pendapatan, komitmen dan bantuan yang diterima. Saya meminta warga kerja Majlis Bandaraya Seremban supaya mengemas kini maklumat dan data dalam sistem PADU dengan kadar segera.

*Sumber : FB Rasmi JPA*

YB Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

## **PENCAPAIAN JABATAN TAHUN 2023**

17. Jika diimbias perjalanan Majlis Bandaraya Seremban sepanjang tahun 2023, pelbagai kejayaan manis telah ditempuhi. Majlis Bandaraya Seremban telah :-

- i. Menerima Anugerah Khas Pusat Kitar Semula Pandu Lalu Terbaik ;
- ii. Jabatan Undang-Undang & Penguatkuasaan telah merangkul Kategori Pembentang Terbaik bagi Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam Negeri Sembilan ;
- iii. Jabatan Taman & Landskap telah mendapat naib johan bagi Kejohanan Bola Sepak MAKSAK Malaysia anjuran MAKSAK Kedah dan juga naib johan dalam Pertandingan Rasmi Peringkat Kebangsaan mewakili MBS ke Kejohanan Bola Sepak 9 Sebelah Persatuan PBT Malaysia (MALA) merebut Piala Menteri KPKT 2023 ;

- iv. Jabatan Pembangunan Masyarakat dan Pelancongan telah mendapat *Gold Award* untuk '*Most Impactful Employer Project*' oleh *Inti University And College* ;
- v. Majlis Bandaraya Seremban telah menerima Anugerah *Asean Clean Tourist City Standard (2024-2026)* Peringkat Kebangsaan ;
- vi. Anugerah Bandar Rendah Karbon 2022 - peringkat Kebangsaan ;
- vii. Anugerah Bandar Mampan 2023 - peringkat Negeri Sembilan ;
- viii. Sijil Penghargaan Pesta Budaya Nusantara@Ipoh - peringkat Negeri Sembilan ;
- ix. *2nd Runner Up (IGEM 2023) International Greentech and Eco Products Exhibition and Conference Malaysia 2023* – peringkat Antarabangsa ;
- x. Anugerah Penarafan Bandar Pintar "*Smart City Early Adopter 2023*" – peringkat Kebangsaan ;

- xi. *Diamond Awards Urban Farming (Subcategory 2 : Private-LED. Kebun Suria (Kebun Komuniti Suria Residences) – peringkat Kebangsaan ;*

Syabas dan tahniah diucapkan kepada seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Seremban di atas usaha yang telah dilakukan sepanjang tahun 2023. Saya meminta agar usaha ini dilipatgandakan bagi memastikan lebih banyak kejayaan dapat dilakar oleh Majlis Bandaraya Seremban pada tahun ini dan akan datang.

*Sumber : Unit Komunikasi Korporat*

YB Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

## **PELAPORAN JABATAN KEWANGAN**

18. Sehingga 28 Januari 2024, prestasi kutipan Cukai Taksiran Majlis Bandaraya Seremban adalah seperti berikut :-

(a) Cukai Taksiran

Sasaran 85% Bil Semasa 2024 (RM63.14Juta)

Prestasi = RM22.43Juta (30.19%)

(b) Sasaran 30% Kutipan Tunggakan (RM26.02Juta)

Prestasi = RM2.27Juta (2.62%)

(c) Sasaran 100% Bajet Cukai (RM145.5Juta)

Prestasi = RM21.42Juta (14.72%)

(d) Sasaran Terimaan Hasil 100% (RM223.56Juta)

Prestasi = RM28.33Juta (12.68%)

(e) Belanja Mengurus (RM220.16Juta)

Prestasi = RM7.94Juta (3.61%)

(f) Belanja Pembangunan (RM14.40Juta)

Prestasi = RM0.76Juta (5.32%)

19. Untuk pengetahuan semua, belanjawan tahun ini telah mengambilkira pelbagai aspek untuk memastikan warga bandar raya Seremban menikmati kesejahteraan kehidupan di bandar. Bertemakan “**Memperkasakan Infrastruktur Dan Imej Majlis Bandaraya Seremban**” Majlis Bandaraya Seremban telah merancang beberapa projek infrastruktur. Antaranya :-

- i. Membaikpulihan gerbang sedia ada di laluan masuk ke Bandar Seremban ;
  - ii. Menyelenggara mura;-mural yang lusuh ;
  - iii. Membaikpulihan dewan-dewan MBS yang uzur ;
  - iv. Membaikpulihan kerosakan infra, perabot taman dan kerosakan taman-taman awam yang telah uzur ; dan
  - v. Membaikpullih laluan pejalan kaki.
20. Majlis Bandaraya Seremban sentiasa berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang lebih komprehensif, inovatif dan inklusif bagi memenuhi aspirasi warga Bandar Raya Seremban yang sentiasa mahukan perubahan.

*Sumber : Jabatan Kewangan*

YB Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

## **PELAPORAN JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN**

21. Bermula 1 Januari 2023 sehingga 31 Disember 2023, Majlis Bandaraya Seremban telah menjalankan aktiviti kawalan iaitu :-
- i. *fogging* 96,557 premis ;
  - ii. ULV 116,525 premis ;
  - iii. *larvaciding* 152 lokaliti ;
  - iv. *source reduction* 167 lokaliti ;
  - v. gotong-royong ke atas 156 taman ;
22. Sehingga 21 Januari 2024, Tanah Perkuburan Kristian Sendayan telah merekodkan sebanyak 24 kematian akibat COVID-19 dan 248 kematian biasa.
23. Manakala Tanah Perkuburan Islam Ainsdale telah mencatatkan sebanyak 544 kematian akibat COVID-19 dan 443 kematian biasa telah direkodkan. Bagi Tanah Perkuburan Islam Senawang Fasa 2 telah mencatatkan sebanyak 1,006 kematian biasa telah direkodkan dan bagi



Tanah Perkuburan Islam Nilai yang dibuka pada 15 April 2022, masih TIADA jenazah dikebumikan di tanah perkuburan tersebut.

*Sumber : Jabatan Kesihatan Persekitaran*

YB Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

**PROGRAM KOMUNITI (*KNOWLEDGE TRANSFER*)  
EKSPRESI HIJAU 2024**

24. Majlis Bandaraya Seremban telah bekerjasama dengan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Rakan Strategik, Kariah Batang Benar Mantin dan PALMA telah mengadakan Program Komuniti (*Knowledge Transfer*) Ekspresi Hijau 2024 pada 6 Januari 2024 bertempat di Masjid As Siddiqin Kariah Batang Benar. Antara pengisian program pada hari tersebut ialah ceramah “Kebun Komuniti”, aktiviti mewarna dan Tani Kreatif. Turut diadakan juga ialah Demo Tanaman Hidroponik, Demo Penternakan Ikan, Demo Tanaman Berpasu dan Sukaneka.

*Sumber : Jabatan Taman & Landskap*

## **JABATAN PENYELENGGARAAN**

YB Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

25. Majlis Bandaraya Seremban telah mengambil inisiatif dengan mewujudkan satu jabatan baharu iaitu Jabatan Penyelenggaraan. Jabatan ini bertanggungjawab menyelenggara kemudahan dan fasiliti serta persekitaran bagi memenuhi piawaian semasa serta memastikan penggunaan utiliti, infrastruktur, fasiliti dan kemudahan awam selamat digunakan oleh warga bandar raya Seremban. kerja-kerja ini juga dapat dijalankan dengan kadar segera mengikut blok pembangunan yang telah ditetapkan serta penjimatan kos.
  
17. Jabatan ini terdiri daripada 4 seksyen iaitu :-
  - (a) Seksyen Pembersihan ;
  - (b) Seksyen Kejuruteraan ;
  - (c) Seksyen Landskap ;
  - (d) Seksyen Mekanikal

Diterajui oleh Tuan Haji Mohd Fadhil bin Haji Kamaruddin selaku Pengarah Penyelenggaraan dan diikuti beberapa Ketua Seksyen iaitu :-

- (a) Cik Anidah bt Mohd Nazri – Seksyen Pembersihan ;
- (b) En. Nuh Nurul Mushawwir bin Abdul Aziz – Seksyen Kejuruteraan ;
- (c) En. Mohammad Azli bin Mohd – Seksyen Landskap ;  
dan
- (d) En. Muhammad Zaki bin Mahussin – Seksyen Mekanikal.

26. Fungsi seksyen ini adalah :-

- (a) Seksyen Pembersihan :  
Bertanggungjawab memproses, memantau, mengawal, menyelia dan penguatkuasaan setiap aspek kebersihan serta kesihatan warga bandar raya Seremban ;
- (b) Seksyen Kejuruteraan :  
Bertanggungjawab untuk merancang dan menyelaraskan pelaksanaan kerja-kerja teknikal yang membawa kepada penyelesaian yang dianggarkan boleh

diselesaikan di antara 14 hari waktu bekerja. Kerja-kerja teknikal termasuk penyelenggaraan jalan raya, lampu, pembaikan paip atau sebahagian kerosakan kecil yang tidak memerlukan peruntukan besar untuk diperbaiki.

(c) Seksyen Landskap :

Bertanggungjawab bagi kerja-kerja pemangkasan pokok di jalan-jalan utama dan aduan berkaitan pokok besar.

(d) Seksyen Mekanikal :

Bertanggungjawab untuk kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan kenderaan milik Majlis Bandaraya Seremban serta beberapa kerja teknikal yang lain. Seksyen ini terdiri daripada 2 unit iaitu Unit Mekanikal dan Unit Kimpalan.

*Sumber : Jabatan Penyelenggaraan*

YB Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

**PELAPORAN JABATAN PELESENAN DAN  
PEMBANGUNAN USAHAWAN**

27. Pada 10 Januari 2024, Majlis Bandaraya Seremban telah menerima kunjungan hormat daripada Dewan Bahasa & Pustaka Wilayah Tengah. Kunjung tersebut adalah bertujuan untuk menyampaikan taklimat mengenai pengesahan iklan dalam talian.
  
28. Pada 11 Januari 2024, satu lawatan tapak usahawan mikro telah diadakan bertempat di perkarangan tempat letak kereta Stadium Tuanku Abdul Rahman, Paroi bertujuan untuk menyantuni usahawan mikro yang telah mengemukakan permohonan untuk menjalankan perniagaan di perkarangan stadium.

*Sumber : Jab. Pelesenan dan Pembangunan Usahawan*

YB Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PENEMPATAN  
PEGAWAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN KE PIHAK  
BERKUASA TEMPATAN LAIN DALAM SESUATU  
NEGERI**

29. Pada 20 Januari 2024, Yang Berhormat Dato' Mohd Zafir bin Ibrahim Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan telah hadir bagi merasmikan Kejohanan Sukan Olahraga Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Sembilan 2024 bertempat di Stadium Tuanku Abdul Rahman, Paroi bersempena Ulang Tahun Majlis Bandaraya Seremban yang ke-4. Semasa ucapanbeliau telah menegaskan supaya warga kerja Pihak Berkuasa Tempatan perlu lebih proaktif dan sentiasa cakna serta berdedikasi tinggi di dalam memberi perkhidmatan terbaik kepada pembayar cukai di lokaliti masing-masing.
30. Selain itu, beliau turut memaklumkan mengenai pelaksanaan penempatan pegawai PBT ke PBT lain dalam sesuatu Negeri bagi memperkasa penyampaian perkhidmatan Kerajaan Tempatan dalam menangani isu-isu yang berkaitan dengan perkhidmatan PBT yang bersifat tertutup (*closed*

*service*). Pelaksanaan ini adalah bertujuan untuk menambah baik tadbir urus PBT dan memperkukuh elemen integriti pegawai PBT selain memberi peluang mobiliti kepada pegawai PBT serta meningkatkan aspek pengalaman, akauntabiliti dan kredibiliti.

31. Sehubungan dengan itu, saya meminta pegawai-pegawai Majlis Bandaraya Seremban supaya bersiap sedia jika diarahkan untuk berpindah ke penempatan lain bagi meningkatkan lagi pengetahuan dan berkongsi pengalaman dengan PBT di negeri lain. Perpindahan ini akan memberi manfaat kepada Majlis Bandaraya Seremban dengan penambahan lebih banyak idea untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan dan hasil MBS.

*Sumber : Jab. Pembangunan Masyarakat & Pelancongan*

## **TUNGGAKAN SEWA DI PANGSAPURI RAKYAT SERI PERDANA PAROI (PPR PAROI) DAN RUMAH PANGSA KOS RENDAH PPRT LOBAK (PPRT LOBAK)**

32. Majlis Bandaraya Seremban telah menyediakan kemudahan menyewa rumah pada kadar yang sangat rendah iaitu RM150.00 sebulan khusus kepada mereka yang berpendapatan rendah. Kemudahan ini telah mula diberikan dari tahun 1998 bagi PPRT Lobak dan tahun 2005 bagi PPR Paroi. Majlis Bandaraya Seremban juga telah menyediakan pelbagai kaedah bagi memudahkan penyewa membuat bayaran sewa setiap bulan :-
- i. Selain bayaran di kaunter MBS dan mesin layan diri, penyewa boleh membuat bayaran secara atas talian “*Online*” dan juga bayaran secara “*auto-debit*” ;
  - ii. kaunter kutipan bergerak dibuka setiap 2 minggu di lokasi sewaan ;
  - iii. bil sewaan diberikan setiap bulan ;
  - iv. notis tunggakan dikeluarkan secara berkala setiao 3 bulan ;
  - v. klinik tunggakan sewa bersama kakitangan dan juga Ahli Majlis MBS ;



- vi. bersemuka dengan penyewa dari pintu ke pintu dan menghubungi penyewa melalui telefon ;
- vii. menampal notis tunggakan di lokasi sewaan ; dan
- viii. bayaran tunggakan secara ansuran.

33. Selain kadar sewaan yang rendah, aspek kebersihan dan penyenggaraan harta bersama di kawasan ini turut dijaga oleh Majlis Bandaraya Seremban. Sepanjang 5 tahun (2019 hingga 2023), sebanyak RM6.4juta telah dibelanjakan untuk pelbagai kerja tambah baik di kawasan ini seperti mengganti bumbung, mengecat bangunan, pembaikan rumah sampah dan lain-lain lagi. Walaubagaimanapun, masih terdapat penyewa yang tidak mengambil berat tentang pembayaran sewa berkenaan walaupun kadar sewa hanyalah RM150.00 sebulan. Terdapat pula segelintir penyewa yang dilihat dengan sengaja tidak membuat bayaran sedangkan gaya hidup mereka tidak menggambarkan kesusahan. Ada yang boleh melanggan siaran TV berbayar, mampu membeli televisyen yang besar, memiliki telefon bimbit yang mahal, mempunyai internet jalur lebar berkelajuan tinggi dan ada juga yang mempunyai lebih dari sebuah kereta.

34. Sehingga 31 Disember 2023, tunggakan sewa di PPR Paroi adalah sebanyak RM1.5juta manakala di PPRT Lobak pula adalah sebanyak RM1.7juta. Jumlah ini adalah termasuk tunggakan daripada bekas penyewa yang masih belum selesai membuat bayaran. Pada masa ini, Majlis Bandaraya Seremban melalui Ahli Majlis yang dilantik sedang mendapatkan maklumbalas daripada setiap penyewa dengan mengadakan sesi pertemuan dari rumah ke rumah bagi mengenalpasti punca masalah dan membincangkan cadangan penyelesaian yang terbaik bagi kedua-dua belah pihak.

*Sumber : Jab. Penilaian dan Pengurusan Harta*

YB Datuk, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

**SESI PENYERAHAN SURAT PEMANGKUAN UNTUK  
KENAIKAN PANGKAT DAN SESI LAPOR DIRI BAGI  
PEGAWAI DAN KAKITANGAN BAHARU, MAJLIS  
BANDARAYA SEREMBAN**

35. Bagi memastikan perancangan dan pembangunan bagi kawasan Pentadbiran Majlis Bandaraya Seremban dapat dicapai, peluang penambahbaikan kenaikan pangkat dan peluang pekerjaan warga kerja Majlis Bandaraya Seremban tidak dipinggirkan. Sehubungan dengan itu, seramai 16 orang kakitangan baharu telah terlibat dalam Sesi Penyerahan Surat Pemangkuan Untuk Kenaikan Pangkat dan Sesi Lapor Diri Bagi Pegawai dan Kakitangan Baharu yang telah diadakan pada 4 Januari 2024 bertempat di Bilik Dato' Klana Petra, Wisma MBS.

*Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan*

## **PENUTUP**

YB Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

36. Semenjak saya dilantik sebagai Datuk Bandar kedua pada tahun 2021, saya tidak lagi menoleh ke belakang. Bandar raya Seremban kini telah rancak membangun dan bukan lagi bandar Seremban yang malap dan sunyi seperti sebelum ini. Kerencanakan pembangunan dan program yang dilakukan umpama larian yang tiada garisan penamatnya. Saya mengimpikan suatu hari nanti Majlis Bandaraya Seremban dinaiktaraf menjadi Dewan Bandaraya seiring dengan pembangunan yang semakin pesat agar perkhidmatan yang diberikan lebih cekap dapat diberikan kepada warga bandar raya. Sehubungan dengan itu, mutu kerja perlu terus diperkembangkan bagi memberi perkhidmatan yang terbaik kepada *stakeholder*.

37. Amanah yang diberikan bersama tanggungjawab yang kita terima ini bukanlah sesuatu perkara yang mudah. Namun begitu, saya yakin dan percaya dengan adanya sokongan dokongan dan komitmen daripada barisan Ahli Majlis dan seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Seremban sudah pasti “Bandar Raya Pintar” ataupun “*Smart City*” akan menjadi kenyataan dalam masa terdekat. Saya berdoa mudah-mudahan usaha ini akan dipermudahkan dan peroleh kejayaan. Saya meminta warga kerja MBS sentiasa memikul amanah, melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diberi penuh rasa tawadduk dan iltizam bagi penambahbaikan mutu perkhidmatan.
38. Kita perlu perkukuhkan tadbir urus agar lebih efisien dan efektif, perkukuhkan pengurusan kewangan bagi pembangunan yang lebih mampan, lestari dan inklusif. Tadbir urus ICT dan penyelenggaraan yang menyeluruh bagi memastikan warga bandar raya Seremban menikmati kehidupan dengan lebih baik selaras dengan status bandar raya.

39. Dalam teks ucapan YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan semasa Majlis Amanat Tahun Baharu 2024 telah menegaskan mengenai kepentingan kerja berpasukan. Sehubungan dengan itu, sekali lagi saya meminta warga kerja Majlis Bandaraya Seremban supaya membudayakan kerja berpasukan kerana gerak kerja kita saling memerlukan antara satu sama lain, saling berkaitan.
40. Akhir kata, dikesempatan ini saya mewakili seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Seremban ingin mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baru Cina kepada seluruh masyarakat Tiong Hua.

Sekian, terima kasih.

**DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI  
DATUK BANDAR  
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN  
31 JANUARI 2024**